

T A M A D U N
**Rumpun Budaya
Melayu**



Kementerian Penerangan
Komunikasi dan Kebudayaan

Oleh: | **ABDUL RAHMAN AL-AHMADI**

Cetakan Pertama 2003
Cetakan Kedua 2004
Cetakan Ketiga 2010

Siri Pemikiran Tokoh

©

Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian dalam buku ini dalam apa jua bentuk atau cara sama ada secara elektronik atau mekanikal tanpa permohonan bertulis daripada Ketua Pengarah, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Tingkat 21-34, Bangunan MAS, Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Abdul Rahman Al-Ahmadi, 1931-
Tamadun rumpun budaya Melayu / oleh Abdul Rahman Al-Ahmadi.
ISBN 967-903-069-5

1. Malays-Manners and customs.
2. Malays--Economics conditions.

I. Judul.
305.89923

Penyelaras : Zulkarnain Ramly A.M.N
Diedit oleh : Rohaniza Abdullah
Zainal bin Jaslan

Penerbit:
Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara
Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia
Tingkat 21-34, Bangunan MAS,
Jalan Sultan Ismail
50250 Kuala Lumpur
Telefon: 03-2052 3600 Faks: 03-2163 3862 / 2163 3859

Dicetak oleh Percetakan RMH

KANDUNGAN

Kata-kata Aluan	v
1. Beberapa Aspek dan Kepentingan Mengenai Sumber-Sumber Kebudayaan Rakyat Asal	1
2. Peluasan Penggunaan Tulisan Khat (Jawi) sebagai Lambang dan Hiasan	11
3. Ragam Senihias Tradisi	35
4. Taman, Konsep dan Kewujudannya dalam Tradisi di Alam Melayu	82
5. Beberapa Cendikiawan Islam di Nusantara	101
6. Kebudayaan dan Kepimpinan Belia	113
7. Pengantar Kebudayaan Malaysia	118
8. Peranan Media Tradisional (folk media) dalam Komunikasi	126
9. Dunia sebagai Ajang	134
10. Kebudayaan Kebangsaan dan Islam di Malaysia	143
11. Kebudayaan Melayu antara Tradisi dan Moden	154
12. Satu Tinjauan Mengenai Seni Tari di Negeri Perak	163
13. Rakyat, Kebudayaan dan Adat Resam	171
14. Enao, Eynao, Dewan Muda dan Rija di Campa. Perbandingan Teater Panji di Asia Tenggara	182



KATA-KATA ALUAN

Rumpun Budaya Melayu meliputi kawasan yang cukup luas mulai dari Kepulauan Melayu hingga ke Malagasi di pantai benua Afrika di sebelah barat sampai ke Kepulauan Paskah di Lautan Pasifik di timur (64 kilometer dari Amerika Selatan) ke New Zealand di sebelah selatan dan ke Taiwan serta Kepulauan Okinawa dan Hokaido di Jepun (dengan penduduk aslinya Ainu).

Melihat kepada keluasan geografi Budaya Melayu tentu dapat dikesan betapa hebatnya perkembangan tamadun bangsa ini. Tahap demi tahap Zaman Mesolitik atau dikenali dengan Zaman Hao Binh, senihias tradisi telah pun bermula dengan penemuan kapak batu yang beragam hias. Ragam hias yang lebih halus ditemui pada tembikar. Dinding-dinding gua juga meninggalkan pelbagai khazanah seperti gambar lukisan gua sehinggalah ke Zaman Sejarah Pra Islam sehingga kini yang berkekalan sebagai aspek seni, budaya dan tamadun ilmu.

Merujuk ketamadunan Rumpun Melayu khususnya di Tanah Melayu dan seterusnya Malaysia, karya-karya mengenainya telah pun terkarang dalam buku-buku seperti **Bunga Rampai**, **Bustanul Salatin**, **Bustanul Ariffin** dan **Bustanul Katibin**. Buku-buku ini melengkapkan pemikiran dan falsafah Bangsa Melayu dari pelbagai sudut keilmuan seperti teknologi

pentadbiran negara serta kandungan sosial yang berada di dalamnya.

Buku “Tamadun Rumpun Budaya Melayu” merupakan himpunan kertas kerja yang menyeluruh tentang pelbagai aspek dan kepentingan kebudayaan di rantau sebelah sini. Pelbagai sudut dikupas seperti Kepentingan Sumber-Sumber Kebudayaan Rakyat Asal, Ragam Seni-hias Tradisi, Media Tradisional Dalam Komunikasi hinggalah kepada isu-isu mutakhir seperti Kebudayaan Melayu Antara Tradisi Moden.

Malaysia yang mempunyai masyarakat berbagai kaum sudah tentu mempunyai waris kebudayaan dan adat resam yang berbeza antara satu sama lain. Sesungguhnya buku ini amat bermanfaat untuk menjelaskan segala permasalahan budaya yang timbul selama ini.



(Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim)
*Menteri Penerangan Komunikasi dan
Kebudayaan Malaysia*